

DR. TAN CHOON KEONG DILANTIK TIMBALAN DEKAN (P&I) SPPS BARU



Majlis penyerahan tugas antara Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff mantan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi SPPS kepada Dr. Tan Choon Keong yang bakal menjalankan amanah antara tahun 2010 hingga 2012. Majlis ringkas tersebut telah diadakan pada 29 Januari 2010 jam 9.00 pagi bertempat di bilik mesyuarat SPPS. Penyerahan tugas turut disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Yusof Abdullah, Dekan SPPS dan kakitangan SPPS. Majlis diakhiri dengan jamuan ringan dan penyampaian cenderahati kepada Prof. Madya Dr. Hjh. Na'imah Yusoff atas sumbangan beliau sepanjang memegang jawatan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi). Beliau akan kekal berkhidmat sebagai Ketua Unit Penyelidik Pendidikan Luar Bandar, SPPS. Terima kasih dan selamat maju jaya.